

**KEPUTUSAN PERSIDANGAN
JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1989**

1 . TUJUAN

Kertas ini dibuat adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) mengenai hukum-hukum agama dan isu-isu semasa yang telah dibuat dalam persidangannya untuk mendapatkan kebenaran Majlis mewartakan fatwa tersebut dalam Warta Kerajaan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diwujudkan dari tahun 60an lagi. Dalam jangka masa tersebut Jawatankuasa ini telah banyak menjalankan aktiviti- aktivitinya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya khususnya di Negeri Selangor ini.
- 2.2. Jawatankuasa ini berbincang dengan sedaya upaya bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan di samping mengeluarkan keputusan-keputusan fatwa hasil dari pertanyaan orang ramai.
- 2.3. Maka hasil perbincangan, jawatankuasa ini telah banyak membuat keputusan bagi menjawab persoalan tersebut.
- 2.4. Di dalam kertas ini mengandungi keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang telah dibuat dalam tahun 1989 untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor dan mendapatkan kebenaran untuk mewartakan dalam Warta Kerajaan.

3. **AHLI -AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) adalah dipilih daripada mereka yang mempunyai ketokohan serta mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang dinyatakan di bawah adalah ahli jawatankuasa bagi tahun 1989. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

1. SS Dato' Haji Ishak bin Baharom
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. - Pengerusi
2. Tuan Haji Abu Naim bin Hj. Ikhsan
SF Kadi Besar Negeri Selangor - Timbalan Pengerusi
3. SS Dato' Hj. Mahmad Muhtar bin Hj. Mahmad Salleh
pengarah, Jabatan Agama Islam Selangor - Ahli
4. Prof Madya Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman,
Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa - Ahli
5. YB Tuan Penasihat Undang-undang
Negeri Selangor - Ahli
6. Tuan Hj. Mokhtar bin Hj. Mat Razi
Bekas Nazir pelajaran Agama Islam
Daerah Kuala Selangor (telah meninggal dunia) - Ahli

Setiausaha/Urusetia

Mulai tahun 1985, Urusetia bagi Jawatankuasa ini diletakkan di bawah bidang tugas Bahagian Penyelidikan, maka penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan akan menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa ini. Mereka yang pernah menjawat jawatan setiausaha adalah seperti berikut

1. Tuan Haji Turmudi bin Surif
2. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Abdul Rashid
3. Tuan Haji Khairuddin bin Haji Abdul Samad
4. Tuan Haji Aluwi bin Parman.

4. **KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT**

TAHUN 1989

1. Masalah Simpanan Amanah Saham Nasoinal
2. penjelasan Hukum zakat Tanaman
3. Penetapan Harga Zakat Fitrah tahun 1409/1989 bagi Negeri Selangor
4. Masalah masa pekerja-pekerja kilang menunaikan sembahyang Jumaat.
5. Bermain kompang di dalam masjid/Surau.
6. Hukum Masalah Rujuk.
7. Hukum Ikrar seseorang yang akan murtad.
8. Apakah hukumnya tandas yang dibena di bawah masjid/bumbung bersambung dengan Masjid.
9. Hukum memberi Harta kepada anak angkat.
10. Cara mewakafkan tanah kepada majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
11. Nas atau dalil keupayaan masuk Islam dan pemeluk Agama Islam oleh kanak-kanak.
12. Hukum gas yang dibuat oleh najis binatang (tahi lembu)
13. Hukum memusnahkan Al-Quran yang salah cetak.
14. Hukum pernikahan menggunakan wali tahkim dan yang berkaitan dengannya.

5. **CADANGAN**

Keputusan-keputusan Fatwa ini dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam untuk makluman dan memohon kebenaran mewartakan keputusan ini dalam warta Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,
Bahagian penyelidikan,
Urusetia,
Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa)
Negeri Selangor Darul Ehsan.

TAHUN 1989

Bil	Perkara	Mukasurat
1.	Masalah Simpanan Amanah Saham Nasoinal	6
2.	penjelasan Hukum zakat Tanaman	7
3.	Penetapan Harga Zakat Fitrah tahun 1409/1989 bagi Negeri Selangor	15
4.	Masalah masa pekerja-pekerja kilang menunaikan sembahyang Jumaat.	16
5.	Bermain kompang di dalam masjid/Surau.	18
6.	Hukum Masalah Rujuk.	20
7.	Hukum Ikrar seseorang yang akan murtad.	22
8.	Apakah hukumnya tandas yang dibena di bawah masjid/bumbung bersambung dengan Masjid.	23
9.	Hukum memberi Harta kepada anak angkat.	24
10.	Cara mewakafkan tanah kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	25
11.	Nas atau dalil keupayaan masuk Islam dan pemelukkan Agama Islam oleh kanak-kanak.	29
12.	Hukum gas yang dibuat oleh najis binatang (tahi lembu)	34
13.	Hukum memusnahkan Al-Quran yang salah cetak.	36
14.	Hukum pernikahan menggunakan wali tahkim dan yang berkaitan dengannya.	38

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
MASALAH SIMPANAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwa berkenaan dengan masalah simpanan Amanah Saham Nasional . Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan mengambil keputusan seperti berikut :

**" Oleh kerana masalah ini (ASN) adalah masalah Nasional (Kebangsaan),
maka Jawatankuasa Fatwa berpendapat masalah tersebut patut dimajukan
kepada Majlis Fatwa Kebangsaan "**

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir dalam persidangannya bertarikh 17 Januari 1989 bersamaan 18 Jamadil Akhir 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENJELASAN HUKUM ZAKAT TANAMAN**

1 . TAJUK PERSOALAN

Bahagian Baitulmal/Zakat telah memohon fatwa mengenai Kadar zakat-zakat seperti di bawah :

KADAR ZAKAT TANAMAN

Pada masa ini Bahagian Baitulmal/zakat telah menerima zakat tanaman samada 5 peratus atau 10 peratus, mengikut kerelaan petani itu sendiri, tidak ada asas panduan yang tetap mengenainya, satu garis panduan/fatwa yang khusus mengenainya perlu dikeluarkan supaya ianya tidak menjadi isu di kemudian hari.

PENOLAKAN KOS PENGELUARAN

Pada masa ini ramai petani beranggapan kos pengeluaran asas perlu ditolak dahulu daripada pendapatan kasar, ini bererti pendapatan bersih yang dikenakan zakat (pendapatan kasar - Kos pengeluaran pendapatan bersih - pendapatan bersih x 5 peratus atau 10 peratus = zakat) .

AGIHAN ZAKAT TANAMAN

Pada masa ini, Bhg. Baitulmal/Zakat hanya menerima 5/8 daripada jumlah kutipan zakat tanaman, dimana 1/8 amil, 1/8 Fakir, 1/8 miskin terus ditolak kepada mereka yang berhak di kawasan di mana kutipan dibuat, dari segi pengurusan ianya menyukarkan, oleh itu, bolehkah menurut pandangan Fatwa hasil kutipan zakat berkenaan dipindahkan daripada kawasan tersebut.

ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN BEBAS

Untuk makluman jawatankuasa, bahawa bahagian ini juga ada mendapat permohonan pembayaran zakat secara potongan gaji, sebelum perkara tersebut dilaksanakan secara menyeluruh, bahagian ini sukacita memohon penjelasan mengenai perkara berikut :

1. pengiraan Zakat gaji/pendapatan bebas
2. Kadar zakat
- 3 Masalah niat

PENGAGIHAN ASNAF FISABILILLAH

Sehubungan dengan itu Bahagian ini juga ingin memperkemas pengagihan zakat kepada asnaf-asnaf, telah pun diputuskan asnaf FiSabilillah (zakat fitrah) telah ditarik balik daripada dibahagikan kepada ahli Jawatankuasa Masjid-masjid di negeri ini.

Oleh itu Bahagian Baitulmal/Zakat memohon penjelasan hukum sekiranya asnaf Fi Sabilillah dijalankan kepada perkara aktiviti berikut :

1. Memberikan bantuan umum kepada rancangan pembinaan (tambahan) Surau, Sekolah Agama atau bantuan alat-alat keperluan asasi kepada Masjid, Surau dan Sekolah Agama.
2. Memberikan subsidi kepada Imam atau AJK Masjid untuk menunaikan Fardhu Haji Ke Mekah atau membuat ibadat Umrah kepada yang sudah menunaikan Fardhu Haji.
3. Melaksanakan program takmir Masjid melalui program pemilihan masjid contoh di seluruh Negeri Selangor, dimana hasil daripada pemilihan tersebut akan dijadikan satu kegiatan tahunan daripada peruntukkan tersebut.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

KADAR ZAKAT TANAMAN

Setelah dibahaskan, ahli Jawatankuasa Fatwa mengambil keputusan bahawa kadar zakat tanaman (padi) ialah 10 peratus daripada pendapatan sebenarnya (kasar).

Dalilnya diambil daripada :

دليلن داصيل درفد المجموع شرح المذهب ج 5 ف 5 س 462 يغ بر بوي ه
واما القنوات والسواقي المحنورة من نهر عظيم التي تكثر مؤنتها ففيها العشر
كاملا هذا هو الصحيح المقطوع به في كتب العراقيين والخراسانيين ونقل امام
الحرمين اتفاق الائمة عليه ه

Ertinya :

Ada pun parit dan taliair yang dikorek berhubung dengan sungai yang besar yang memakan belanja yang banyak pula, zakatnya satu persepuluh (10%) dengan sepenuhnya, inilah yang betul lagi mashyur dan telah diputuskan oleh Ulama' di Negeri Arab dan Khursan dan Imam Al-Khurmin telah memindahkan pendapat yang mengatakan semua pendapat Ulama' atasnya.

PENOLAKAN KOS PENGELUARAN

Ahli Jawatankuasa Fatwa mengambil keputusan bahawa kadar zakat 10 peratus itu hendaklah dikeluarkan daripada pendapatan kasar.

Dalilnya daripada :

“ قال في العباب وشرحه وحيث اشتد الحب فينبغي ان يتمتع على المالك
الاكل والتصرف فيه وحيثئذ فينبغي اجتناب الفريك ونحوه من الفول حيث
علم وجوب الزكاة في ذلك الزرع، ويحرم على المالك ايضاً اجرة الحصادين
منه والصدقة منه قبل اعلاء الزكاة ه ويعزر ان علم الحرمة والا فلا ويفرم
بدل ما تصرف فيه اتفاقاً ه”

Ertinya :

Telah berkata pengarang kitab *العياب دالم كتاب ايت دان شرحه* " . Apabila bijian mengeras, maka pemiliknya ditegah daripada makan dan mentasrifkan bijian itu, dan pada ketika itu, hendaklah ia menjauhi daripada memetikinya untuk dibuat emping dan seumpamanya daripada kaul, manakala ia mengetahui wajib zakat ke atas zakat tanaman tersebut begitu juga haram atas pemiliknya membayar upah mengetam atau mengeluarkan sedekah daripada hasil tanaman itu sebelum dikeluarkan zakatnya, dan hendaklah orang itu ditakzirkan sekiranya ia mengetahui perbuatan itu haram, jika ia tidak mengetahui tidak ditakzirkan dia dan ia dikehendaki membayar balik kadar yang dikeluarkan untuk bayaran upah dan sedekah itu dengan Ijmak Ulama'.

Dalil yang kedua tersebut dalam kitab

wajib atas empunya padi dan gandum dan membelanjakan ketamnya dan keratnya dan belanja menyucikan daripada jeraminya dan rumannya dan mengeringkan dan barang yang berkehendak kepadanya samata-mata daripada harta miliknya, dan kebanyakan daripada manusia diambil daripadanya akan belanja yang tersebut itu kemudian dizakatnya yang tinggal, iaitu tersalah yang amat besar.

AGIHAN ZAKAT TANAMAN

Sebelum Ahli Jawatankuasa membahaskan masalah tersebut, wakil Bhg. Baitulmal/Zakat iaitu En. Jamian bin Hj. Arsat telah memberi penjelasan mengenai kesukaran yang dihadapi oleh amil menguruskan pengagihan bahagian fakir miskin kepada yang berhak, sebagai contoh : sekiranya bahagian fakir atau miskin RM 50.00 dan bilangan fakir atau miskin 50 orang maka bahagian tiap seorang daripada mereka RM1.00 sahaja, jika amalan ini diteruskan, ini hanya lepas dari hukum sahaja, tetapi maksud untuk membantu fakir miskin tidak memberi kesan.

Oleh itu bahagian Baitulmal/Zakat memohon Fatwa samada boleh atau tidak bahagian fakir miskin daripada zakat padi di Tg. Karang dan Sabak Bernam dihipunkan di Jabatan Agama Islam Selangor di selaraskan dengan pungutan zakat fitrah dan lain-lainnya zakat dan diagihkan kepada seluruh fakir miskin dalam Negeri Selangor.

Setelah dibahaskan Jawatankuasa Fatwa mengambil keputusan seperti berikut :
Harus memindahkan hasil zakat padi daripada kawasan Tg. Karang dan Sabak Bernam untuk diselaraskan dengan hasil zakat yang lain di Baitulmal seperti berikut :

- 1.
2. Ada pun Imam yakni Sultan maka harus baginya memindahkan zakat mutlak dari kerana sekalian zakat wang yang di dalam tangannya itu seperti hukum satu zakat jua.
3. Dan demikian lagi harus bagi saya memindahkan zakat, tetapi wajib pula ia memindahkan zakat bawa kepada Imam jika tiada disuruh akan dia membahagi zakat.
4. Dan demikian lagi, Kadi harus memindahkan zakat jika tiada dijadikan oleh Imam akan dia membahagi zakat.

ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN BEBAS

Oleh kerana masalah zakat gaji ini masalah nasional, maka ahli Jawatankuasa mengambil keputusan supaya masalah tersebut dimajukan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan.

PENGAGIHAN ASNAF FI SABILILLAH

Setelah dibahaskan Jawatankuasa Fatwa memutuskan

1. Wang Fi Sabilillah harus digunakan untuk membena Masjid, Surau dan Sekolah Agama atau untuk membeli alat-alat keperluan asasi Masjid, Surau dan Sekolah Agama
2. Tidak harus digunakan untuk memberi subsidi kepada orang-orang yang hendak menunaikan Fardhu Haji samada seorang itu telah menunaikan Fardhu" Haji atau belum, kerana tiada Nas atau dalil yang membolehkan wang Fi Sabilillah dibelanjakan bagi maksud tersebut. Begitu juga wang Fi Sabilillah tidak Harus digunakan untuk memberi bantuan subsidi kepada orang-orang yang hendak mengerjakan umrah.

3. Tidak harus membelanjakan wang Fi Sabilillah bagi maksud memilih Masjid contoh di seluruh Negeri Selangor.

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 17 Januari 1989 bersamaan 9 Jamadil Akhir 1409

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1409H/1989M
BAGI NEGERI SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Bahagian Baitulmal/Zakat telah memohon Fatwa kadar bayaran fitrah bagi tahun 1989/1409 berdasarkan harga beras yang lazim dimakan oleh rakyat Islam di Negeri Selangor.

1. Beras A1: 2.27 Kilogram = RM 2.43
2. Beras A2 : 2.27 kilogram = RM 2.25
3. Beras A3 : 2.27 kilogram = RM 2.06

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

"Setelah dibahaskan Jawatankuasa Fatwa mengambil keputusan kadar harga zakat fitrah bagi tahun ini ialah RM 2.30 "

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 17 Januari 1989 bersamaan 9 Jamadil Akhir 1409

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
MASALAH MASA PEKERJA-PEKERJA KILANG MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT**

1. TAJUK PERSOALAN

Sebuah Syarikat Ancom Sdn. Bhd. mempunyai pekerja shif dan bukan shif, pekerja bukan shif boleh menunaikan sembahyang Jumaat kerana diberi masa rehat dari jam 12.30 hingga 2.30 petang, bagi pekerja shif ianya terbahagi tiga :

Shif pertama : 7.00 pagi hingga 3.00 petang

Shif kedua : 3.00 petang hingga 11.00 malam

Shif ketiga : 11.00 malam hingga 7.00 pagi

Bagi shif kedua dan ketiga tidak menghadapi sebarang masalah untuk bersembahyang Jumaat hanya shif pertama sahaja (yang bekerja mengikut giliran setiap minggu), yang tidak sembahyang Jumaat sekali dalam tiga minggu.

Pengurus Syarikat memohon fatwa adakah amalan seperti ini bercanggah dengan hukum Islam.

Maka Jawatankuasa perundangan Hukum Syara' (Fatwa) diminta mengeluarkan fatwa berkenaan dengan permasalahan tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dengan penuh teliti dan panjang lebar dan mengambil keputusan bahawa :

"Ahli Jawatankuasa Fatwa memutuskan, setiap yang meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa uzur Syar'ei adalah berdosa.

Meletakkan arahan majikan untuk bekerja shif sehingga meninggalkan sembahyang Jumaat tidak termasuk di dalam istilah uzur syar'ei, oleh yang demikian, amalan yang dilaksanakan oleh Syarikat Atcomm Sdn.Bhd adalah bercanggah dengan hukum Islam.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 17 Januari 1989 bersamaan 9 Jamadil Akhir 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
FATWA BERMAIN KOMPANG DI DALAM MASJID ATAU SURAU**

1 . TAJUK PERSOALAN

Pengerusi Jawatankuasa Surau Ikhwaniah, Fasa 6, Taman Seri Andalas, Klang, dalam suratnya bertarikh 23 Oisember 1988, telah memohon fatwa bermain kumpang di dalam bangunan Surau bagi maksud menarik belia-belia berjinak-jinak dengan Surau, masanya lepas solat Isyak serta tiada mengganggu aktiviti keagamaan di Surau tersebut.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya bertarikh 6 March 1989 bersamaan 28 Rejab 1409 telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan ahli-ahli yang hadir telah membuat keputusan seperti berikut :

" Tiada harus bermain atau belajar bermain kumpang di Surau atau di Masjid kecuali untuk maksud memasyurkan pernikahan seperti tersebut dalam Hadith Rasulullah yang berbunyi :

Ertinya :

Daripada Aisyah katanya; telah bersabda Rasulullah S.A.W., masyurkan olehmu ini nikah dan jadikan olehmu sekalian akan dia dalam Masjid-masjid dan pukul olehmu sekalian atasnya dengan rebana "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 6 March 1989 bersamaan 28 Rejab 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MASALAH RUJUK**

1. TAJUK PERSOALAN

Pada 23 Mei 1986 sepasang suami isteri telah bercerai dan didaftarkan di Pejabat Agama Islam, Klang, dan pada 29 Mei 1986 kedua pasangan suami isteri tersebut telah berbaik-baik semula dan bersetuju hendak rujuk dengan perkataan :

Isteri berkata: Awak hendak tak rujuk ?

Suami berkata .: Saya hendak, kemudian saya rujuk dengan awak, awak setuju ?

Isteri berkata: Saya setuju.

AF Tuan Kadi Klang ingin mendapatkan penjelasan adakah rujuk tersebut sah ?

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya bertarikh 6 Mac 1989 bersamaan 28 Rejab 1409 telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan membuat keputusan seperti berikut :

"Setelah dibahaskan, Ahli Jawatankuasa mengambil keputusan bahawa rujuk yang dibuat oleh pasangan tersebut adalah sah kerana lafaz rujuk itu jelas.

Dalilnya :

Ertinya :

Daripada Abi Hurairah katanya, telah bersabda Rasulullah S.A.W. tiga perkara persungguhan terbilang sungguh dan gurauan terbilang sungguh iaitu nikah dan talak dan rujuk "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 6 Mac 1989 bersamaan 28 Rejab 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM IKRAR SESEORANG YANG AKAN MURTAD**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' telah diminta untuk memberikan fatwa berkenaan dengan hukum ikrar seorang lelaki yang akan murtad sekiranya dia tidak dapat bernikah dengan perempuan yang diminatinya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

"Ikrar seorang lelaki yang akan murtad jika tidak jadi bernikah dengan seorang perempuan yang diminatinya, hukumnya murtad pada ketika dia melafazkan ikrar tersebut. Oleh itu hendaklah dia bertaubat dan mengucapkan dua kalimah syahadat bagi memperbaharui Islamnya "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Jun 1989 bersamaan 18 Zulkaedah 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM TANDAS YANG DIBENA DI BAWAH MASJID
DAN BUMBUNG BERSAMBUNG DENGAN MASJID**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diajukan dengan soalan yang bertanyakan berkenaan dengan apakah hukumnya tandas yang dibena di bawah masjid dan bumbungnya bersambungan dengan masjid.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Sebelum jawapan diberi, Jawatankuasa (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

" Hukum membena tandas di bawah masjid dan tandas yang diben bangunannya disatukan (mutalaskah) dengan masjid hukumnya haram ."

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 22 Jun 1989 bersamaan 18 Zulkaedah 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MEMBERI HARTA KEPADA ANAK ANGKAT**

1 . TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwa berkenaan dengan hukum memberi harta kepada anak angkat.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan keputusannya adalah seperti berikut :

2.1.1. Sekirang pemberian itu dibuat semasa hidup maka pemberian itu dinamakan , Hibah ' maka ianya hendaklah dilakukan mengikut syarat rukun 'Hibah'.

2.1.2. Sekiranya pemberian itu berkuatkuasa selepas si pemberi mati maka pemberian itu dinamakan wasiat, oleh itu pemberian itu hendaklah dibuat mengikut syarat rukun wasiat.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Jun 1989 bersamaan 18 Zulkaedah 1409.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
CARA MEWAKAFKAN HARTA KEPADA
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR DARUL EHSAN**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Bahagian Masjid & Kemasyarakatan meialui surat bertarikh 8 Jun 1989 dalam bilangan (98) dlm. JAI. Sel. 7027 yang bertanyakan tentang cara mewakafkan harta kepada Majlis Agama Islam Selangor Darul Ehsan.

Sebagaimana yang telah dimakiumi bahawa Bahagian ini pada masa masa yang lalu banyak menerima permohonan daripada orang ramai untuk mewakafkan tanah mereka kepada Majlis Agama Islam Selangor dengan mengikut cara pentadbiran undang-undang tanah.

Oleh itu bagi mengemaskinikan lagi cara yang sedia ada dan tepat dengan kehendak Islam maka satu peraturan yang sempurna patut dilaksanakan, dengan itu bahagian Masjid & Kemasyarakatan ingin tahu perkara-perkara seperti berikut :

1. Adakah sah seseorang itu berwakaf hanya dengan mengisi borang dan menurunkan tandatangan sahaja atau dengan melafazkan wakaf tanpa ada yang menerima atau saksi.
2. Pihak fatwa sesuai memberikan cara-cara wakaf dan benda-benda yang diwakafkan untuk pengetahuan orangramai bahawa wakaf ini menurut peraturan yang dikehendaki oleh Islam.

Berlandaskan kepada permasalahan yang ditimbulkan, maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

1. Tajuk borang mewakafkan tanah kepada Majlis Agama Islam Selangor yang ada sekarang hendaklah dibetulkan

daripada :

"BORANG PERMOHONAN MEWAKAFKAN TANAH/HASIL KHAZANAH
KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (WAKIL AMANAH) "

kepada :

" BORANG PERMOHONAN MEWAKAFKAN TANAH KHAZANAH KEPADA
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (WAKIL AMANAH) " .

2. Setiap orang yang mewakafkan tanah hendaklah mengikut syarat rukun wakaf seperti di bawah ini :

- 2.1. Rukun wakaf 4 perkara

pertama : Orang yang mewakafkan

kedua : Orang yang menerima wakaf

ketiga : Barang yang diwakafkan

keempat : Sighahllafaz

- 2.2. Syarat orang yang mewakafkan hendaklah ia ahli Tabarru' (ahli yang boleh buat kebajikan maka tidak sah wakaf orang gila dan kanak-kanak dan orang yang dipaksa dan orang yang kena tahan hartanya (Mahjur 'Alaihi) dan hamba mukatab.

- 2.3. Syarat orang yang menerima wakaf jika orang itu tertentu hendaklah ia boleh memilikinya bagi benda yang diwakafkan ketika diwakafkan maka tidak sahlah mewakafkan kepada anak yang di dalam perut kerana tidak sah memilikinya dan tidak sah mewakafkan hamba yang Islam atau Quran kepada orang kafir.

- 2.4. Syarat barang yang diwakafkan hendaklah adalah barang yang tertentu itu dimiliki.

- 2.5. Syarat sighah hendaklah lafaz yang memberi ketahui dengan yang dikehendaki itu jelas lagi terang contohnya seperti aku wakafkan benda ini untuk ini.

2.6. Jika tanah itu milik kerajaan (tanah kerajaan) maka DYMM Sultan yang wajib melafazkan wakaf atau wakilnya iaitu :

1. YAB Menteri Besar
2. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
3. YB Ahli EXCO Kerajaan Negeri
4. Yang Berusaha Pegawai Daerah
5. SS Toan Pengarah JAIS
6. AF Toan Kadi Daerah/Kawasan
7. YDH Orang Besar Daerah berkenaan.

2.7. Jika tanah itu milik perseorangan maka orang itu sendiri yang wajib melafazkan wakaf atau wakilnya.

2.8. Manakala penerima wakaf tidak wajib melafazkan kabul cuma sunat sahaja.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Julai 1989.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
NAS ATAU DALIL KEUPAYAAN MASUK ISLAM
DAN PEMELUKKAN AGAMA ISLAM OLEH KANAK-KANAK**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan nas atau dalil berkenaan dengan kaifiat masuk Islam dan pemelukkan agama Islam oleh Kanak-kanak.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara terse but.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam.

2.2. Mengikut Seksyen 67 dan 70, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 menyebutkan :

Seksyen 67 - Bagi maksud bahagian ini, seorang yang bukan beragama Islam boleh memeluk agama Islam jika ia telah mencapai umur baligh mengikut hukum Syara' dan sempurna akal.

Seksyen 70 - Jika pada saat ia memeluk agama Islam seseorang muallaf samada lelaki atau perempuan, ada mempunyai anak kandungan yang belum mencapai umur baligh mengikut hukum syara', kanak-kanak itu adalah memeluk agama Islam pada saat yang sarna.

2.3. Ahli mesyuarat telah diminta mendatangkan nas atau dalilnya sebagai sandaran seksyen tersebut, maka dibawah ini dinyatakan nas atau dalilnya.

2.3.1. Dalil seksyen 67

2.3.1.1. (1) تزسبوت رالم كتاب شرح كاشفة السجام ه س ه 16 علامات البلوغ ثلاث ، تمام خصن عشرة سنة في الذكر والانثى ، والاحتلام في الذكر والانثى لتسع سنين ، والخيض في الانثى لتسع سنين ه

2.3.1.2. Firman Allah Taala di dalam Suran An-Nisa' ayat 6

(2) فرمان الله تعالى درالم سورة النساء اية 6

وابتلوا اليتامى حتى بلغوا النكاح (الاية) (والمراد ببلوغ النكاح
الحلم لقوله تعالى ه وانا بلغ الاطفال منكم الحلم ومن علامات البلوغ
الانبات، وبلوغ خمس عشرة سنة، كما ذكر في فتح القادير الجامع
بين فنى الرواية والدراية من علم التفسير الجزء الاول صحيفة 426) ه

ومذكور في مختصر تفسير ابن كثير المجلد الاول صحيفة 385 قال
الجمهور من العلماء ه البلوغ في الغلام تارة يكون بالحلم، وعوان
يرى في مناهه ما ينزل به الماء الدافق الذي يكون منه الولد ه

2.3.1.3. Manakala dalil daripada hadith pula menyebutkan

1.

وفي الحديث الآخر عن عائشة وغيرها من الصحابة عن النبي (ص) قال ه رفع
التلم عن ثلاثة عن الصبي حتى يحتلم او يستكمل خمس عشرة سنة وعن النائم
حتى يستيقظ ، وعن المحنون حتى يثيق ه

2.

عن ابن عمر قال ه عرضت علي النبي (ص) يوم احد وانا ابن اربع عشرة
فلم يجرنني ، وعرضت عليه يوم الخندق وانا ابن خمس عشرة سنة فاجارني ه

3.

فقال عمر ابن عبد العزيز لما بلغه هذا الحديث ه ان هذا الفرق بين الصغير
والكبير ه

(رجوع مختصر تفسير ابن كثير المجلد الاول صحيفة 385) ه

2.3.2. Dalil Seksyen 70

2.3.2.1. Dan dihukumkan dengan Islam kanak-kanak dan orang gila yang lain daripada lakid () kerana mengikut salah seorang daripada dua ibu bapanya.

(Rujuk kitab : Matlaul Badrin wal majmuk albahri, karangan Al-Abidil fakir Alfani Muhammad bin Ismail Daud Fatani, muka surat 132.

2.3.2.2. Dan tersebut di dalam kitab Al-Iftak Juzuk pertama, muka surat 95 mengatakan :

ويحكمكم

باسلام غير لقيط مبي او مجنون تبنا لاخذ اصوله ولو من قبل الام د

2.3.2.3. Firman Allah Taala dalam Surah At-Thur ayat 21

والذين امنوا واتبعتهم ذريتهم بايمان السفنابهم ذريتهم وما التاهم من
عظهم من شيء كل امرئ بما كسب رشين د

(الذرية هنا محمولة على الاء والابناء مسا، اي ان المؤمن اذا كان عمله
اكثر الحق من دونه في الحمل ابنا كان او ابا بسبب الايمان ، كما ضقول عن
ابن عباس وغيره ، واللذ تسالي اتبع الولد الوالدين في الايمان ولم يتبعه
اباه في الكفر بدليل ان من اسلم من الكفار بحكم باسلام اولاده الصغار و من
ارتد من المسلمين لا يحكم بكفر ولده كما روي ان النبي (ص) قال انه تسالي
يرفع ذرية المؤمن في درجته وان كانوا دوند لتقربهم عينه ثم تلا هذه الاية)
كما ذكر في مراج لبيد تفسير النواوي الجزء الثاني صحيفة 328 د

2.4. (1) Berdasarkan nas-nas yang tersebut di atas nyatalah tanda baligh bagi kanak-kanak adalah seperti berikut :

Genap umumnya 15 tahun bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan atau bermimpi keluar mani bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan manakala ia telah berumur 9 tahun atau haidh bagi kanak-kanak perempuan apabila ia telah berumur 9 tahun.

Tanda-tanda baligh tersebut adalah menunjukkan mereka telah mampu membuat pemilihan dan mampu melaksanakan perintah Allah.

(2) Manakala kanak-kanak kecil yang belum baligh apabila kedua ibubapanya atau salah seorang daripada keduanya memeluk agama Islam, maka ia dengan sendirinya mengikut Islam, kerana mendekatkan hubungan mereka.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 25 November 1989.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR MENGENAI
HUKUM BIO GAS DARI NAJIS TAHI LEMBU**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah ditanya berkenaan dengan permasalahan bio gas daripada najis tahi lembu.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti perkara tersebut iaitu :

2.1.1. مذکور فی شرح الخطیب السنی بالافتاء ترییر الامجد الشیخ ابراهیم الباجوری صحیفه 20 (بأشرف) و

(فرع) اخر دخان النجاسة وكذا دخان نذ المسجون بالخمر ودخان سمعه
دهنها نجس ودهه واما النار التي تشتعل فان دخانها طاهر و

2.1.2. مذکور فی فاضل شرفاوی اول صحیفه 116 و

قال ع شر علی م رة لو نشب شیئا رطبا علی اللهب المجرى من الدخان لا
ینجس وهو طاهر و

مذکور فی نهاية الزین للشیخ نواوی الجاوی صحیفه 39 و

2.1.3. (أ) لو صنع توراہ من روث البقر عقی عندها سد فیجوز الاکل من غسلها و

(ب) لو وضع الاناء وفید اللبن لتسحینه بنار نجسة فتکثیر شیء منها فی
اللبن عقی عند و

(ج) لو ستی البطحیح او نحوہ بالنجس حتی نما جاز اکلہ و

2.1.4. Tersebut dalam kitab

Asap najis iaitu yang berceraikan dari najis dan menegahi api iaitu najis dan setengah daripadanya iaitu bahwar (wap) yang suci dihantar di atas api yang dinyala dari najis itu pun najis juga, kerana hancur tatkala terkena api maka najis ia akan dia dan keluar kata asap, wap yang keluar dan yang naik dengan ketiadaan menegahi api, maka iaitu suci. Dan kata Sheikh Ramli bermula wap yang keluar dari jamban itu suci, demikian lagi angin yang keluar dari dubur hukumnya seperti sendawa.

keputusannya adalah seperti berikut :

“Berdasarkan hujah-hujjah yang tersebut di atas, maka Jawatankuasa memutuskan bahawa biogas yang diproses daripada najis tahi lembu adalah suci dan harus digunakan”

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 25 November 1989.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MEMUSNAHKAN AL-QURAN YANG SALAH CETAK**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk mengeluarkan fatwa berkenaan dengan masalah memusnahkan Al-Quran yang tersalah cetak.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti perkara di atas dengan mengikut fakta-fakta seperti berikut :

2.1.1.

2.1.1.1.

في مذکور في اسنى الطالب جزء اول 62 ويكره اعراف حشب نفس به
اي بالقران ، نعم ان تصديقه صيانة القران فلا كراهة وعليه يدخل تحريما
عثمان رضي الله الصالحين هـ

وقد قال ابن عبد السلام من وجد ورقه فيها البسطة
ونحوها لا يجعلها في شق ولا غيره لانها قد تسقط فتوط و طريفة
ان يمسها بالماء او يحرقها بالنار صيانة لاسم الله تعالى عن
تعرضه للاستهان هـ

2.1.2. Tersebut dalam

membakar kayu yang tersebut atas Al-Quran melainkan jika qasad dengan membakar itu akan memeliharanya, maka tiadalah makruh dia seperti fael Saidina Us man R.A. adalah ia membakar beberapa mazhab kerana qasad memelihara, tetapi membasuh terutama daripada membakar. Dan haram mencarek-carek kertas yang tersebut di atas Al Quran dengan tiada kerana hajat memelihara akan dia, dan jikalau jatuh, ia ke bumi, haram meninggalkan dia (meninggal mengangkat) dari bumi.

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas Jawatankuasa telah mengambil keputusan seperti berikut :

" Setelah dibahaskan maka Jawatankuasa mengambil keputusan harus membakar Al-Quran yang salah cetak bagi maksud memelihara dan debunya hendaklah ditanam "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 25 November 1989.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI HUKUM PERNIKAHAN
MENGUNAKAN WALI TAHKIM DAN YANG BERKAITAN DENGANNYA**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk membincangkan masalah pernikahan yang menggunakan wali tahkim dan yang berkaitan dengannya.

Mesyuarat ini dibuat adalah kerana atas permintaan SS Pengarah JAIS bagi membincangkan masalah semasa yang mungkin boleh dijadikan panduan pada bila-bila masa apabila berlaku kes yang sama seperti yang dihadapi oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor. Oleh kerana masalah ini banyak berkait dengan permasalahan yang dihadapi oleh Y.A.B. Menteri Besar, maka perbincangan masalah nikah menggunakan wali tahkim ini banyak tertumpu kepada pernikahan Y.A.B. Menteri Besar Selangor.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Sebelum keputusan dan perbincangan dibuat, ahli mesyuarat telah meminta kepada SS Pengarah supaya mengadap kepada YAB Menteri Besar bagi mendapatkan maklumat, antaranya :

1. Surat cerai Y.A.M Tengku Zahariah binti Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dengan bekas suaminya yang lepas.
2. Di mana tempat bernikah yang sebenar.
3. Siapa pengiringnya.

Sesungguhnya jawapan yang sebenar oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor amatlah perlu bagi jawatankuasa ini menentukan hukum samada pernikahan dengan Yang Amat Mulia Tengku Zahariah itu sah atau tiada di sisi Syara'.

2.2. SS Pengarah JAIS telah memaklumkan kepada mesyuarat mengenai penyiasatan seperti yang dikehendaki dalam mesyuarat khas yang lalu, antaranya :

1. Bahawa sebelum mesyuarat khas 2. 10. 1989 diadakan SS Pengarah JAIS telah pergi ke Takbai, Thailand pada 1.10.1989 tempat Y.A.B. Menteri Besar Selangor, bernikah, SS pengarah JAIS telah berjumpa dengan Imam yang mengkadnikahkan tersebut iaitu Imam Ismail bin Haji Yusuf, mempunyai tauliah wali am yang sama tarafnya dengan wali hakim. Imam tersebut telah mengakui bahawa telah mengkadnikahkan Y.A.B. Menteri Besar dengan Tengku Zahariah pada 17.7.1987.

Semasa pernikahan itu dilakukan Y.A.B. Menteri Besar dan Tengku Zahariah ada hadir dan pernikahan tersebut disaksikan oleh dua orang saksi dan mempunyai sijil nikah yang dikeluarkan oleh Imam tersebut.

2. Mengenai surat cerai Tengku Zahariah dengan bekas suaminya yang ketiga, SS Pengarah bersama SF kadi Besar serta Pen.Pengarah Penyelidikan telah ke rumah Tengku Zahariah dan sijil cerai tersebut telah diperolehi sepertimana yang diedarkan kepada ahli mesyuarat.
 3. SF Kadi Besar Kelantan telah memberitahu bahawa beliau tiada bukti yang menunjukkan Y.A.B.Menteri Besar Selangor dengan Tengku Zahariah bernikah di Kelantan sebaliknya telah bernikah di Takbai, Thailand kerana beliau dan pegawainya telah menyiasat sampai ke tempat tersebut serta mendapatkan perakuan bertulis dari Imam Haji Ismail bin Haji Yusuf iaitu Imam yang bertanggungjawab mengenai pernikahan tersebut.
 4. Tiada terdapat orang politik dan orang kenamaan negeri ini yang terlibat dengan pernikahan tersebut.
- 2.3. Jawatankuasa perundangan Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang muktabar dan membuat keputusan seperti berikut :

"Berdasarkan keterangan di atas, ahli mesyuarat memutuskan bahawa pernikahan Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Haji Muhd Taib dengan Y.A.M. Tengku Zahariah binti Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 17 Julai 1987 di Takbai, Thailand adalah sah di sisi syara', kerana pernikahan tersebut :

- 1. Dihadiri oleh pengantin lelaki dan perempuan.**
- 2. Imam yang mengadnikahkan nikah mempunyai kuasa.**
- 3. Disaksikan oleh dua orang saksi.**
- 4. Mengikut syarat-syarat dan rukun nikah.**

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 9 Disember 1989.